

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini menyediakan maklumat penting Pembiayaan Modal Kerja Murabahah-i (PMKM-i) anda. Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia bermanfaat, **anda juga harus membacanya.**

1 APAKAH ITU PEMBIAYAAN MODAL KERJA MURABAHAH (PMKM-i)

Pembiayaan Modal Kerja Murabahah-i (PMKM-i) adalah kemudahan pembiayaan Islam di mana Bank membeli barangan dan mengekalkan hak milik, manakala pembeli / pengimport mengambil pemilikan fizikal barangan sebagai ejen atau pemegang amanah Bank. Barangan tersebut kemudiannya dijual kepada pembeli pada kos yang dipersetujui beserta margin keuntungan pada asas pembayaran tangguh, membolehkan pembeli menggunakan atau menjual barangan tersebut sementara Bank mengekalkan hak milik sehingga penyelesaian penuh dibuat.

Pembeli / pengimport akan melupuskan barangan dan membayar Bank (kos campur keuntungan) daripada hasil jualan pada atau sebelum tempoh matang PMKM-i. PMKM-i hanya boleh digunakan untuk membiayai keperluan modal kerja dan tidak boleh digunakan untuk membiayai pembelian aset tetap seperti loji dan jentera. Tempoh minimum pembiayaan adalah 30 hari manakala tempoh maksimum tidak boleh melebihi tempoh pembiayaan diluluskan umumnya tertakluk kepada tempoh maksimum satu ratus lapan puluh (180) hari. Pembiayaan PMKM-i adalah dalam Ringgit Malaysia dan margin yang layak pembiayaan adalah nilai 100% daripada invoice atau sebahagian daripadanya.

Bank membenarkan pembiayaan anda di bawah Surat Pembiayaan Kredit-i Arah Luar, di bawah Pungutan (ke dalam Bil Pungutan Masuk-i) dan Pembiayaan Langsung (Akaun Terbuka) melalui PMKM-i. PMKM-i membolehkan anda untuk mengambil milikan barangan dan menukar barang kepada wang tunai sebelum kematangan PMKM-i. Di bawah PMKM-i, pelanggan adalah dilantik sebagai ejen belian bagi pihak Bank. Barang-barang yang diperlukan akan dibeli oleh pelanggan untuk tempoh tertunda bergantung kepada tempoh kemudahan tersebut pada harga yang telah dipersetujui termasuk keuntungan Bank.

Konsep Syariah yang digunakan adalah Murabahah. Di bawah konsep Murabahah, pelanggan dilantik sebagai wakil kepada pihak Bank untuk membeli/ import barangan yang akan dijual kepada pelanggan seterusnya sebagai prinsipal pada harga jualan di mana bayaran ditangguhkan.

2 KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

Perkara Pembiayaan	
Amaun Pembiayaan	Minimum : RM 5,000.00
:	Maksimum : Mengikut had pembiayaan yang diluluskan oleh BMMB, tidak melebihi jumlah invoice.
Margin Pembiayaan	Sehingga 100% daripada invoice atau nilai bil
:	atau seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran.
Tempoh Pembiayaan	Sehingga 180 hari
:	- Kadar Tetap - Kadar keuntungan kemudahan berdasarkan dana harian akan disebut harga oleh Bank pada hari yang dimaksudkan untuk penggunaan kemudahan berdasarkan tempoh yang diminta pelanggan.
Kadar Keuntungan	Kadar keuntungan kemudahan yang terdiri daripada AKD/KPA dan "spread" akan ditetapkan untuk tempoh pembiayaan seperti diminta oleh pelanggan.

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatangani.



Tindakan Undang Undang boleh diambil terhadap anda sekiranya anda tidak meneruskan Pembayaran Modal Kerja Murabahah-i (PKMM-i) anda.



Segera hubungi kami jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

Ilustrasi	
Harga Jualan $HJ = [C + (C \times R \times T / 365)]$ Dimana: HJ : Harga Jualan C : Kos barang yang dibiayai R : Margin keuntungan T : Tempoh	$HJ = [100,000 + 100,000 \times 3\% \times 90] / 365$ $= 100,000 + 739.73$ $= RM 100,739.76$ Dimana: SP: Harga Jualan C : RM 100,000 R : 3% T : 90 days *Nota: Keuntungan dikira pada 365 hari

Fi & Caj	Amaun
Setem Hasil	Mengikut Akta Setem 1949 (Semakan 1989), tertakluk kepada apa-apa pengecualian duti setem atau arahan peremitan
Kadar Keuntungan	Seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran.
Caj lewat bayar	1% setahun ke atas ansuran tertunggak hingga tarikh pembayaran untuk keingkaran pembayaran dalam tempoh pembiayaan dan sebelum tempoh matang ATAU sejumlah wang bersamaan dengan kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) BNM ke atas baki jumlah prinsipal tertunggak untuk keingkaran pembayaran pembiayaan selepas tempoh matang.

- Sila rujuk laman sesawang kami di www.muamalat.com.my untuk maklumat lanjut berkenaan yuran dan caj.
- *Fi dan caj adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan (8%) yang dikenakan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (sebagaimana yang dipinda), jika berkenaan.

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal, sila ambil maklum bahawa:-

- Anda akan menerima rebat (ibra') ke atas keuntungan tertanggung mengikut prinsip Syariah.
- Rebat tersebut Adalah muktamad dan mengikat.
- Pihak Bank akan mengira rebat berdasarkan penyelesaian awal dan jumlah bayaran yang telah dibuat.
- Tiada tempoh terkunci ("lock-in period")
- Formula Ibra': Baki Tertunggak (Harga Jualan Tertunggak) - Jumlah Prinsipal Tertunggak - Jumlah Terhutang kepada Bank - Pengurangan Ibra'

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apakah risiko utamanya?

PMKM-i yang ditawarkan kepada anda adalah berkadar tetap. Sekiranya terdapat pengurangan dalam Aras Kos Dana (AKD), anda tidak akan dapat menikmati setiap pengurangan kadar pembiayaan semasa anda. Penentuan harga (kadar keuntungan) boleh disebut pada harga berasaskan KPA tambah spread bergantung kepada kekuatan kewangan anda dan penilaian kredit Bank.

Kadar Keuntungan Efektif Bank yang ditawarkan mungkin berbeza semasa tempoh pembiayaan untuk kemudahan dengan kadar berubah-ubah. Walau bagaimanapun, Kadar Keuntungan Efektif Bank tidak boleh melebihi Kadar Siling.

Apa yang akan berlaku sekiranya anda gagal memenuhi tanggungjawab anda?

- Anda perlu membayar lebih secara keseluruhan disebabkan oleh caj lewat bayar (caj ganti rugi/Ta'widh) iaitu 1% setahun daripada ansuran tertunggak hingga tarikh pembayaran untuk keingkaran pembayaran dalam tempoh pembiayaan dan sebelum tempoh matang ATAU sejumlah wang bersamaan dengan kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) BNM ke atas baki jumlah prinsipal tertunggak untuk keingkaran pembayaran pembiayaan selepas tempoh matang.
- Kami boleh menolak wang daripada mana-mana akaun anda yang ada dengan kami bagi menolak selesai baki pembiayaan anda yang tertunggak.
- Kami akan mengenakan tindakan undang-undang terhadap anda.
- Skor kredit anda mungkin terjejas menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.

4 TERMA UTAMA LAIN

- Sila maklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan pada butiran perhubungan anda.
- Untuk penjamin atau cagaran adalah tertakluk kepada keputusan pihak Bank.
- Hak untuk tolak-selesai: Kami berhak untuk menolak-selesai baki tertunggak dalam akaun pembiayaan dengan menggunakan sebarang baki kredit dalam mana-mana akaun anda dengan kami, di mana pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan
- Perniagaan/Syarikat anda akan perlu membuat bayaran nilai penuh daripada harga Jualan seperti yang dinyatakan dalam Nota Kontrak Murabahah pada tarikh matang dengan fi dan caj seperti yang terdapat dalam Pembiayaan Perdagangan yang berkaitan

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Pembiayaan Modal Kerja Murabahah (PMKM-i, anda boleh:



Hubungi kami di:
03-26005500



Layari kami di:
[Pembiayaan Modal Kerja Murabahah-i \(PMKM-i\)](#)



E-mel kami melalui:
feedback@muamalat.com.my

Perakuan Pelanggan

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- ☐ Saya mengakui Bank Muamalat telah memberikan kepada saya salinan RPP.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RPP ini.

**Perakuan Pelanggan ke atas RPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk*

Nama:
Tarikh:

Maklumat yang diberikan di dalam risalah pendedahan produk ini adalah sah berkuatkuasa: **1 Januari 2026**